

Headline **Mimos sedia pelan hala tuju industri ICT**
Date **28. Nov 2007** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **25**
Section **Ekonomi** Article Size **202** cm2
Circulation **217991** Frequency **Daily**
Readership **762968** Color **Full Color**



Mimos sedia pelan hala tuju industri ICT

Oleh Zuraidah Mohamed

MIMOS Bhd membangunkan pelan hala tuju lebih berkesan bagi meningkatkan daya saing industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) tempatan menerusi pembangunan teknologi yang menepati keperluan pasaran.

Pelan hala tuju teknologi yang dibangunkan dalam tempoh setahun itu sudah diserahkan kepada Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (Mosti) sebagai cadangan garis panduan dalam pembangunan industri ICT tempatan.

Presiden dan Ketua Eksekutif Mimos, Datuk Abdul Wahab Abdullah, berkata hala tuju yang dirancang untuk tempoh 10 tahun itu dijangka mewujudkan kerjasama lebih erat di kalangan penyelidik, ahli akademik dan universiti dalam pembangunan teknologi terkini.

Katanya, pelan hala tuju itu memberi penekanan terhadap empat teras teknologi utama iaitu keselamatan siber, sistem perkomputeran grid, sistem mekanikal makroelektronik/nanoelektronik (MEMS/NEMS) dan bioinformatik.

Beliau berkata, teras utama itu dilihat mampu menjana pertumbuhan ekonomi negara disokong kumpulan pakar dan penyelidik tempatan berkaliber dalam bidang masing-masing.

"Menerusi pelan hala tuju ini, pembangunan produk dan teknologi yang dihasilkan Mimos perlu menepati kehendak pasaran pada nilai komersial yang tinggi. Malah, ia juga bagi menggantikan teknologi lama yang masih digunakan industri tempatan," katanya pada sidang media sempena Forum Pemba-

ngunan ICT dan Inovasi sempena Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan (Nice) 2007 di Kuala Lumpur, semalam.

Pada majlis itu, Abdul Wahab menyerahkan pelan hala tuju teknologi berkenaan kepada Ketua Setiausaha Mosti, Datuk Hanan Alang Endut.

Hadir sama, Timbalan Menteri, Datuk Kong Cho Ha.

Dalam pada itu, Abdul Wahab berkata, hala tuju baru itu sejajar usaha membawa Malaysia ke persada global yang lebih berdaya saing dan memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus pesat.

Sementara itu, Kong dalam ucapannya berkata, bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan ICT memainkan peranan penting sebagai pemacu kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya, gabungan itu dengan masyarakat berpengetahuan akan mewujudkan suasana baik dalam menarik pelaburan langsung asing (FDI) dan meningkatkan pelaburan langsung domestik (DDI) serta menambah bilangan syarikat perusahan kecil dan sederhana (PKS).

“Pelan hala tuju ini juga bagi mengembangkan teras teknologi utama Mimos supaya ia berkembang pesat ke seluruh dunia”

Abdul Wahab Abdullah
Presiden dan Ketua Eksekutif Mimos